

PROGRAM POCKET TALK BANGKIT! KEMUDAHAN PEMBIAYAAN TANPA FAEDAH DAN GERAN DIGITAL MADANI



Pengurus Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan PKNP sedang menyimpulkan laklimal program

Kuantan, 27 Jun - Bahagian Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan (PKK) Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) telah menganjurkan Program Pocket Talk Bangkit! Kemudahan Pembiayaan Tanpa Faedah Dan Geran Digital Madani dengan kerjasama Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Maxis Berhad yang bertempat di Dewan Melor, BCIC Lodge, Kompleks Dagangan Mahkota Kuantan. Seramai 50 orang peserta telah menghadiri program ini.

Objektif utama program ini dilaksanakan adalah untuk memberi pendedahan kepada usahawan tentang akses pembiayaan tanpa faedah yang disediakan. Selain itu, tawaran geran padanan dan geran digital madani diperkenalkan sebagai insentif untuk meningkatkan penggunaan digital dalam perniagaan.

Turut hadir dalam program ini adalah Encik Nasry bin Kassim, Pengurus Bahagian PKK bersama Encik Muhammad Jabrul Akmal bin Mat Yahya, Penolong Pengurus serta pegawai-pegawai Bahagian PKK PKNP.

SESI MEET AND GREET BERSAMA YB EXCO HAL EHWAL FELDA, KOPERASI DAN USAHAWAN NEGERI PAHANG SERTA LATIHAN DAN BIMBINGAN USAHAWAN SEMPERNA NTW 2024

Kuantan, 27 Jun - Bahagian Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan (PKK) Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) telah mengadakan sesi meet and greet bersama YB Dato' Amizar bin Abu Adam selaku Exco Hal Ehwal FELDA, Koperasi Dan Usahawan Negeri Pahang serta latihan dan bimbingan usahawan yang dianjurkan oleh Hub Usahawan Bella Pahang bersempena dengan National Training Week (NTW) 2024 yang bertempat di Dewan Canselor DRB - HICOM University of Automotive, Pekan, Pahang pada jam 2 petang hingga 5 petang.

Program yang dihadiri seramai 500 orang peserta ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Amizar bin Abu Adam, EXCO Hal Ehwal FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang, Beliau mewakili Kerajaan Negeri telah dijemput untuk sesi perkongsian agenda dan hala tuju Kerajaan Negeri Pahang bagi pembangunan usahawan di Pahang. Inisiatif serta peruntukan dan perancangan turut disediakan oleh Kerajaan Negeri khusus untuk usahawan, felda dan koperasi.



Wakil Bahagian Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan PKNP bergambar bersama YB EXCO Hal Ehwal Felda, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang

JUN 2024
Aspirasi Kececilangan
PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pkn.gov.my



SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN RASMI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA TUANKU

Kuantan, 3 Jun - Merafak Sembah Ucapan Setinggi-Tinggi Tahniah ke sisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulla Seri Paduka Baginda Tengku, Lipis.

Daulat Tuanku.

LAWATAN KERJA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PKNP KE DAERAH BENTONG, LIPIS DAN CAMERON HIGHLANDS



Ketua Pegawai Eksekutif dan Bahagian Perindustrian PKNP bergambar bersama-sama wakil syarikat Ketech Asia Sdn Bhd sebagai kenangan

Seterusnya pada hari kedua telah diadakan lawatan ke projek- projek PKNP di Cameron Highlands termasuk Kedai Tanah Rata, Flat Lengkok Jasar, Tapak Projek Usahasama dengan Masteron serta Projek Flat Tingkap dan Terla.

Pada hari terakhir pula, delegasi telah diatur melawat progres pembangunan Kilang Pembuatan Peluru oleh Ketech Asia Sdn. Bhd. di Kg. Kechau serta projek pemrosesan 'wood pelle' oleh syarikat PIO Biomass Sdn. Bhd. di Kawasan Perindustrian Padang Tengku, Lipis.

Turut hadir dipihak PKNP adalah Pengurus Pembangunan Hartanah, Kapten Azis bin Muhammad, Pemangku Pengurus Perindustrian, Encik Mohd Rizal bin Redzuan, Pemangku Pengurus Teknik, Encik Issma Rohazad bin Abdul Wahab serta pegawai-pegawai dari bahagian yang terlibat.



Ketua Pegawai Eksekutif sedang berbincang mengenai butiran Projek Perumahan Taman PKNP Bukit Chempereh

Kuantan, 5 Jun - Satu lawatan kerja ke Daerah Bentong, Lipis dan Cameron Highlands yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah diadakan bertujuan melihat kemajuan pelaksanaan projek- projek PKNP serta tapak-tapak berpotensi untuk dibangunkan.

Lawatan telah dimulakan dengan meninjau kemajuan projek pembinaan jalan masuk di Kawasan Perindustrian Bentong 2B dan lawatan ke Projek Perumahan Taman PKNP Bukit Chempereh di Janda Baik.

lensa PKNP PHOTOGRAPHY

ROAD TO PODIUM - PERLAWANAN PERSAHABATAN BADMINTON DAN FUTSAL

SAMBUTAN HARI RAYA KORBAN ANJURAN ANAK SYARIKAT, PKNP AGRO TECH SDN BHD

Idang Redaksi

PEMUNGU / PERAKHAT: Encik Mohd Rizal bin Redzuan, Ketua Pegawai Eksekutif

PENYELARAS PENERBITAN: Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Ibrahim

KETUA EDITOR: Encik Muhammad Rahman bin Mohd Anwar Usman

GRAFIK: Puan Shazlina binti Zahara dan Nurul Hafizah

JURUFOTO: Encik Muhammad Azis bin Muhammad Azis

Pinjam Allah SWT - "Daripada Abu Sa'Id Al Khudri dan Abu Hurairah RA daripada Nabi SAW bersabda: "Tidaklah seorang Muslim yang ditimpa suatu penyakit dan keletihan, kegusaran dan kesedihan, gangguan dan kesusahan, bahkan duri yang melukainya melainkan Allah SWT akan menghapus kesalahannya." (Hadith riwayat al-Bukhari, No. 5641, Muslim, No. 2978 dan Tirmidhi, No. 996, Ahmad, No. 7694, Darul Uloom, 10/14)

KUNJUNGAN HORMAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PKNP KE PEJABAT PENGURUS BESAR TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB) PAHANG



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP sedang berbincang mengenai pembekalan dan penyambungan elektrik di tapak projek pelaburan

Pertemuan ini merupakan pertemuan rasmi pertama kali sejak Encik Affendi dilantik sebagai Pengurus Besar TNB Pahang yang baharu bagi menggantikan YH. Dato Baderul Sham bin Saad yang telah bersara pada bulan Mac 2024 yang lalu.

Selain itu, kesempatan mengadakan kunjungan hormat ini turut dimanfaatkan dengan membincangkan isu berkaitan pembekalan dan penyambungan elektrik di tapak projek pelaburan yang sedang dibangunkan di kawasan perindustrian termasuk projek Pembangunan Kilang Pembuatan Peluru di Kg Kechau, Lipis.

Kuantan, 13 Jun - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Pengurus Besar TNB Pahang, Encik Affendi bin Abdul Rahman.

Turut hadir dipihak PKNP adalah Pemangku Pengurus Perindustrian, Encik Mohd Rizal bin Redzuan serta wakil-wakil dari syarikat Kelech Asia Sdn. Bhd.

PKNP ANJUR PROGRAM SOLAT HAJAT

Kuantan, 10 Jun - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) telah mengadakan program Solat Hajat dan Bacaan Yassin bagi mendoakan kesejahteraan dan kesihatan YAB Menteri Besar Pahang merangkap Pengerusi PKNP yang telah selama menjalani pembedahan di Institut Jantung Negara baru-baru ini.

Program yang telah berlangsung di Dewan Utama EDC, Tingkat 3, Kompleks Teruntum dipimpin oleh Al-Fadhil Ustaz Muhamad Arif Bin Mat Yusof, Guru Takmir Daerah Kuantan.

Di samping itu, warga kerja PKNP turut bersama-sama berdoa agar semua urusan PKNP dipermudahkan terutama yang melibatkan pelaksanaan projek dan bisnes baru di Negeri Pahang ini.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Pengurus-Pengurus Bahagian dan Unit serta warga kerja PKNP.



Bacaan Yassin disempurnakan oleh anggota pekerja PKNP

PKNP SERTAI SAMBUTAN HARI RAYA KORBAN ANJURAN ANAK SYARIKAT, PKNP AGRO TECH SDN BHD



Baitan peserta Sambutan Hari Raya Korban anjuran PKNP Agro-Tech Sdn Bhd

Kuantan, 21 Jun - Anak syarikat milik 100% PKNP, PKNP Agro Tech Sdn. Bhd, telah menganjurkan Sambutan Hari Raya Korban Bersama Penduduk Kampung Pagi, Ulu Tembeling, Jerantut, Pahang Darul Makmur. Kampung Pagi merupakan salah sebuah kampung angkat PKNP pada tahun 2007 dibawah Program Transformasi Desa yang diselenggarakan oleh Kerajaan Negeri Pahang.

Majlis Sambutan Hari Raya tersebut turut diraikan dengan kehadiran mantan Menteri Besar Pahang, YB. Tan Sri Dato' Sri Diraja haji Adnan bin Haji Yaakob yang juga merupakan Pengerusi PKNP Agro- Tech Sdn. Bhd.

Hadir mewakili PKNP adalah Pengurus Hal Ehwal Korporat, Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim.

'ROAD TO PODIUM' - PKNP ANJUR PERLAWANAN PERSAHABATAN BADMINTON DAN FUTSAL



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNP bergambar bersama Pasukan Futsal PKNP, PKNP Fox IT

Kuantan, 14 Jun - Pasukan Badminton dan Futsal PKNP mengambil inisiatif mengadakan perlawanan persahabatan dengan pihak luar sebagai usaha untuk mewujudkan ukhwa serta meningkatkan semangat kesukanan dikalangan pemain.

Perlawanan persahabatan ini menyaksikan Pasukan Badminton PKNP menentang Pasukan Badminton dari Perbadanan Memajukan Ikhtisad Negeri Terengganu (PMINT) manakala Pasukan Futsal PKNP pula mengadakan perlawanan secara liga (3) penjujur iaitu menentang pasukan futsal dari PMINT dan juga SUKMA Pahang.

Selain itu, antara objektif lain penganjuran perlawanan persahabatan ini adalah sebagai persediaan menyertai Kejohanan Sukan Gemaputera Kali Ke XVII Pulau Pinang 2024 yang akan diadakan pada 1 hingga 6 Julai 2024 nanti di Pulau Pinang.

Turut hadir bagi memberikan sokongan kepada pasukan Badminton dan Futsal PKNP adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNP, Encik Mohd Razif bin Abdul Malek.



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNP turut hadir menyokong Pasukan Badminton PKNP

PROGRAM USAHAWAN MYFUTUREJOBS

Kuantan, 25 Jun - Program Usahawan MyFutureJobs telah berlangsung dengan jayanya bertempat di Dewan Dato' Bahaman, Tingkat 4, Wisma PERKESO Kuantan pada jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang yang berlangsung selama 2 hari.

Bahagian Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan (PKK) Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) telah bekerjasama dengan pihak PERKESO melalui Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan yang dijemput sebagai trainer bagi modul basic iaitu Business Identification (Menjalpasti Pemiagaan). Tujuan utama program ini adalah untuk memberi kesedaran dan semangat kepada seramai 50 orang usahawan baru yang ingin menceburi bidang pemiagaan.

Pada 25 Jun 2024 (Selasa), program dimulakan dengan ucapan pengenalanan berkenaan Program Usahawan MyFutureJobs yang disampaikan oleh Encik Dedi Syedputra bin Mohd Hari selaku Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan PERKESO, Putrajaya.

Bahagian PKK mengucapkan ribuan terima kasih dan selagi-lagi penghargaan kepada pihak PERKESO kerana memberi kepercayaan untuk bekerjasama dengan kami bagi melaksanakan program ini.



Seramai 50 orang usahawan hadir bagi menambahi ilmu keusahawanan

Pengurus Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan PKNP sedang menyampaikan modul Business Identification

PKNP ANJUR SESI BERTEMU PENYEWAWA/PENIAGA DI KOMPLEKS DAGANGAN MAHKOTA



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNP sedang menyampaikan khalimat program

Kuantan, 21 Jun - Bahagian Pemasaran & Pengurusan Harta, PKNP telah menganjurkan Sesi Bertemu dengan Penyewawa/Peniaga di Kompleks Dagangan Mahkota (KDM).

Sesi ini diadakan bertujuan bagi membincangkan berkaitan isu pengoperasian dan penstrukturan semula operasi pemiagaan di KDM. Sesi ini berjaya menghimpunkan seramai 44 orang penyewawa bagi bertukar pendapat dan cadangan untuk menghidupkan suasana dan memajukan kawasan itu.

Di samping itu, PKNP menerusi Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan turut mengambil peluang memberikan hebahnan mengenai program/aktiviti yang boleh disertai oleh penyewawa-penyewawa dalam masa terdekat.

Sesi ini dihadiri Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Pengurus Pemasaran & Pengurusan Harta, Puan Noraini Misran, Pengurus Pembangunan Komuniti & Keusahawanan, Encik Nasry Kassim serta pegawai-pegawai yang terlibat.